

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : TANAH ADAT ORANG ASLI**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perkampungan orang asli yang telah dan yang belum diwartakan?
- b) Bagi yang belum diwartakan, berapa lama tempoh masa yang diperlukan untuk mewartakan sesuatu kawasan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah keseluruhan tanah KOA yang terlibat dalam proses pewartaan ialah sebanyak 75 tapak. Walau bagaimanapun, sehingga 30 Jun 2020 hanya 26 tapak yang telah selesai proses pewartaan seperti di dalam jadual yang dilampirkan.

Bagi 49 tapak masih lagi dalam proses pewartaan. Walau bagaimanapun, hanya 15 belas tapak yang dicadangkan untuk diwartakan memandangkan ia tidak terlibat pertindihan tanah dan isu lain.

- b) Sekiranya kawasan Orang Asli yang dicadangkan untuk diwartakan tidak bertindih dengan Tanah Rizab Melayu, Tanah Rizab Hutan, tanah hakmilik dan hanya melibatkan penempatan sahaja, tempoh masa yang diperuntukkan adalah selama 180 hari. Ia termasuk tempoh masa proses perizapan tanah sehingga kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) (60 hari), tempoh masa proses permintaan ukur sehingga pengeluaran Pelan Warta (90 hari) dan tempoh masa proses pewartaan dan Warta Kerajaan Negeri (30 hari).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : LADANG KERANG DI PERAIRAN SABAK BERNAM**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri telah meluluskan lot - lot kepada pengusaha ladang ternakan kerang di sepanjang perairan sabak bernam khususnya di kawasan sungai air tawar?
- b) Berapa banyak kelulusan yang telah dikeluarkan kepada permohonan syarikat, individu atau persatuan nelayan tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-17/2/2005 bertarikh 6 Julai 2005 dan Kertas EXCO MTES NO. 6/14/2005, telah bersetuju mewujudkan seluas 41,700 ha Kebun Kerang seluruh Selangor yang melibatkan sebanyak 196 lot kebun kerang. Daerah Sabak Bernam, mempunyai 115 lot dan hanya 43 lot sahaja yang aktif iaitu sedang diusahakan oleh penternak kerang darah (*Tegillarca granosa*) dan berdaftar di Daerah Sabak Bernam, buat masa ini sebanyak 12 lot adalah terletak di dalam kawasan DUN Sungai Air Tawar. Pembahagian lot-lot di DUN Sungai Air Tawar adalah seperti berikut;
  - i. DUA lot (Lot 1 dan Lot 2) diperuntukkan kepada nelayan tulen Sungai Lang,
  - ii. LIMA lot (Lot 3 hingga Lot 7) diperuntukkan kepada komuniti MyKP gabungan enam pengkalan di Sungai Lang.
  - iii. LIMA lot (Lot 8 hingga Lot 12) diperuntukkan kepada nelayan tulen Bagan Nakhoda Omar.

Kesemua lot di Daerah Sabak Bernam terletak di kawasan perairan bermula dari Sekinchan sehingga Sungai Lang. Setiap penternak kerang ini diberikan lesen Sistem Kultur Laut (SKL) di mana mereka wajib mematuhi syarat-syarat SKL yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Akta Perikanan 1985. Lesen SKL dikawal selia oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor dengan bayaran tahunan sebanyak RM 50 bagi setiap lot, yang menyumbang kepada kutipan hasil negeri Selangor.

Sebagai tambahan, setiap penternak kerang ini dikecualikan bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB). Perkara ini merujuk kepada keputusan MMKN Ke-11/2007, 18 April 2007, perkara 4.1.3 (d).

- b) Mengikut kaedah pelaksanaan kebun kerang di negeri Selangor, lot ternakan kerang adalah untuk diusahakan oleh nelayan tulen tempatan sahaja dan bukan kepada syarikat atau persatuan.

*SUMBER: Pejabat Perikanan Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROGRAM KITAR SEMULA**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah pusat kitar semula yang masih beroperasi sehingga kini, serta keberkesanannya. senaraikan mengikut jenis?
- b) Apakah program kitar semula untuk baja kompas oleh pbt mencapai objektif?
- c) Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh komuniti untuk menjana program kitar semula?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sejumlah 253 pusat kitar semula yang masih beroperasi di seluruh Negeri Selangor yang terdiri daripada bangunan berstruktur kekal, kabin dan tong kitar semula. Pusat kitar semula memberi kesan yang baik sebagai kemudahan kepada orang awam untuk menghantar barangan kitar semula kerana lokasi yang lebih hampir dengan tempat tinggal mereka. Pelbagai pihak terlibat dan sentiasa bekerjasama dengan PBT dalam menggerakkan pusat kitar semula ini seperti Institusi Pengajian Tinggi, sekolah rendah dan menengah, pihak swasta, badan bukan Kerajaan dan persatuan penduduk. Antara manfaat Pusat Kitar Semula adalah seperti berikut:
  - i) dapat mengurangkan sekurang-kurangnya 5% daripada keseluruhan sampah;
  - ii) dapat menjimatkan kos pelupusan oleh pihak PBT;
  - iii) dapat mengelakkan berlaku kejadian sampah longgok dan haram; dan
  - iv) mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan mewujudkan Pusat Kitar Semula yang komprehensif di semua PBT di Negeri Selangor dan projek perintis kitar semula yang akan melibatkan beberapa buah kampung terpilih. Bagi tujuan ini, sebanyak 24 lokasi di kawasan PBT dan 25 buah kampung tradisi telah dikenalpasti sebagai

lokasi Pusat Kitar Semula di seluruh negeri ini dan Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM950,000.00.

- b) Ahli Yang Berhormat sekalian, objektif utama kitar semula untuk baja kompos adalah untuk mengurangkan sisa organik yang dibuang ke tapak pelupusan sampah. Pelaksanaan program pengkomposan sisa yang dilaksanakan oleh PBT dengan kerjasama komuniti, sekolah – sekolah dan NGO mendapat sambutan yang amat baik dan positif. Malah terdapat beberapa lokasi mesin kompos yang diuruskan oleh komuniti penduduk sendiri.

Antara jenis pengkomposan yang dilaksanakan oleh PBT adalah pengkomposan sisa makanan, sisa sayuran daripada pasar, sisa kebun dan sisa daun kering. Baja kompos yang dihasilkan digunakan semula untuk tanaman landskap, menjalankan program kebun komuniti dan turut disalurkan ke sekolah-sekolah yang terlibat dalam program kebun komuniti di sekolah. Secara asasnya program pengkomposan sisa memberi kesan yang sangat baik terutamanya di kawasan perumahan. Meskipun tiada mekanisme untuk mengukur tahap keberkesanan aktiviti ini, namun sambutan penduduk terhadap penganjuran program pengkomposan baja dari sisa organik adalah amat menggalakkan.

- c) Komuniti memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan program kitar semula. Tanpa penyertaan dan komitmen daripada komuniti program kitar semula tidak akan berjaya. Antara peranan komuniti untuk menjana program kitar semula adalah dengan seperti berikut:
- i) melaksanakan pengasingan sampah yang boleh dikitar semula bermula dari rumah dan di bawa ke pusat kitar semula;
  - ii) mengamalkan konsep 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*);
  - iii) menjual barangan kitar semula dan mengitar semula minyak masak terpakai boleh memberi pendapatan tambahan kepada individu dan persatuan komuniti;
  - iv) melaksanakan aktiviti pengkomposan sisa makanan menjadi baja dan aktiviti kebun komuniti;
  - v) membantu dalam hebahan program serta menjadi peserta dalam setiap penganjuran program 3R; dan
  - vi) menghasilkan produk “upcycling” daripada barang kitar semula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN MIKRO PASCA COVID-19**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif atau bantuan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan usahawan mikro, terutamanya yang berniaga dari rumah pasca Covid-19?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menganjurkan siri kursus atas talian dengan kerjasama pihak Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Siri latihan ini merupakan satu kursus transformasi perniagaan yang lengkap khusus kepada para usahawan untuk menghadapi perubahan arus perniagaan dan mengalami kemerosotan perniagaan akibat pandemik COVID-19. Penyertaan kursus ini terbuka kepada usahawan sedia ada mahupun mereka yang ingin menambah pendapatan keluarga.

Selain itu Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana setiap tahun bagi memperkasakan dan melahirkan usahawan berjaya di dalam Negeri Selangor. Sebahagian permohonan bantuan ini diproses sepanjang tahun dan mengikut proses kelulusan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**i. Geran Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)**

Bantuan ini diberikan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini.

Setiap daerah diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 untuk program bantuan DUMS. Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan berpeluang untuk dipertimbangkan untuk menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- Rakyat Negeri Selangor atau yang telah bermastautin lebih daripada 10 tahun;

- Perusahaan dijalankan di Negeri Selangor;
- Berumur antara 18 – 55 tahun;
- Nilai jualan kurang daripada RM300,000.00 atau bilangan pekerja 2-5 orang;
- Perusahaan telah dan masih beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- Perusahaan dijalankan sepenuh masa; dan
- Perusahaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

#### ii. **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Bantuan ini merupakan sebahagian daripada 33 Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor untuk mengupayakan masyarakat keluar daripada kitaran kemiskinan. Program ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Program bantuan ini terbuka kepada semua pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan.

#### iii. **Pensijilan Halal Negeri Selangor**

Program ini terbuka kepada usahawan yang ingin mendapatkan pensijilan halal produk dan meningkat daya saing dan pasaran produk.

#### iv. **Program Peningkatan Pembungkusan**

Program ini terbuka kepada usahawan yang ingin meningkatkan mutu pembungkusan dan bersedia menembusi pasaraya rantaian dan pasaran eksport.

#### v. **Pinjaman Mikrokredit Hijrah Selangor**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan secara berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pembiayaan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Usahawan di Negeri Selangor tidak terkecuali menerima tempias akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu

akibat Covid19. Ini menyebabkan kebanyakan usahawan terkesan dari segi jualan yang merosot secara mendadak tanpa persediaan.

Para usahawan perlu mencari kaedah yang sesuai dan melakukan anjakan paradigma dan maju ke hadapan mengadaptasi teknologi semasa yang mampu melonjakkan perniagaan tanpa mengira situasi yang berlaku. Ini bermakna mereka perlu mampu untuk mentadbir urus perniagaan seterusnya menjana jualan walaupun terpaksa menutup operasi buat sementara waktu. Jika dahulu mereka mengharapkan pelanggan datang ke kedai namun kini mereka perlu mencapai pelanggan melalui secara dalam talian atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENULARAN WABAK COVID-19**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rakyat Selangor yang terbabit dengan wabak Covid-19?
- b) Berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani wabak tersebut?
- c) Sejauh mana keberkesanan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah Covid-19?

**JAWAPAN:**

(a) dan (c) dijawab bersekali :-

Sehingga 30 Jun 2020, jumlah rakyat Selangor yang disahkan positif covid 19 adalah seramai 1,910 orang, dengan 24 daripadanya adalah kes kematian.

Kerajaan Negeri memberikan kerjasama yang sangat baik dengan pihak Kementerian Kesihatan bagi menangani permasalahan Covid-19 di Selangor. Keberkesanan dalam kawalan kes serta wabak ditunjukkan melalui penurunan bilangan kes serta wabak di Selangor. Langkah yang diambil termasuk:

- i) Pemantauan bersama agensi luar seperti PDRM dan PBT dalam aspek pematuhan dan pengukuhan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak KKM.
- ii) Menjalankan *engagement* dengan pihak berkaitan termasuk NGO bagi memastikan pematuhan SOP yang ditetapkan.
- iii) Membantu pelaksanaan saringan kumpulan berisiko secara berfokus seperti saringan bukan warganegara di tapak binaan, pasar dan ladang, saringan warga emas, guru tadika, pusat tahfiz dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : SISTEM DIGITAL PEJABAT TANAH**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Belanjawan Selangor 2020 telah meluluskan peruntukkan untuk Pejabat Tanah bagi membangunkan satu sistem digital yang akan mengurangkan frod dan kesilapan. Syarikat manakah yang diawad kontrak tersebut?
- b) Apakah jumlah yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah status pelaksanaan setakat ini?

**JAWAPAN:**

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Merujuk kepada Belanjawan Selangor 2020 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B Menteri Besar, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) tidak menerima sebarang peruntukan bagi pembangunan sistem digital yang dimaksudkan. Bagaimanapun, Keputusan MMKN Ke 36/2019 Pada 12 Disember 2019 Yang Disahkan Oleh MMKN Ke 1/2020 Pada 8 Januari 2020 telah menimbang dan bersetuju agar Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan dan Syarikat Puncak Tegap Sd. Bhd. (PTSB) diminta meneruskan kajian lanjut bagi pelaksanaan Projek Sistem e-Tanah di Negeri Selangor dengan mengambil kira pelaksanaan Sistem e-Tanah di PTG WPKL dan Negeri Perak.

Untuk makluman, sistem e-Tanah bertujuan mendigitalkan sistem pentadbiran tanah secara elektronik urusan pentadbiran tanah negeri agar lebih efektif, telus dan selamat. Punca kuasa pelaksanaan projek melalui keputusan Jemaah Menteri pada 13 Ogos 2014, di mana Syarikat Puncak Tegap Sdn. Bhd. (PTSB) melaksanakan projek secara berperingkat dimulai dengan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) yang kemudiannya diikuti dengan negeri-negeri lain yang terlibat termasuk negeri Selangor. Pelaksanaan projek ini adalah secara *Private Finance Initiative* (PFI) dengan kaedah pelaksanaan *Build, Maintain and Transfer* (BMT).

Pembiayaan pembangunan dan penyelenggaraan projek e-Tanah oleh Kerajaan Persekutuan bagi kos pembangunan dan penyelenggaraan projek sepanjang 14 tahun (2 tahun pembangunan dan 12 tahun operasi). Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli (KATS) akan membuat pembayaran fi perkhidmatan kepada PTSB setelah Sistem e-Tanah mula beroperasi sehingga tempoh konsesi tamat di tahun ke empat belas (14).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : KESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN ATAS SEKTOR  
PELANCONGAN**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri status terkini tentang kedatangan pelancong tempatan dan luar negara ke Selangor untuk suku tahun pertama tahun 2020, berbanding dengan tahun 2019.
- b) Apa langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pelancongan tempatan bertambah baik?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, penyediaan laporan statistik kedatangan pelancong tempatan dan luar negara ke Negeri Selangor untuk suku tahun pertama tahun 2020 ini terpaksa ditunda kepada bulan Julai 2020 memandangkan Tourism Selangor terpaksa memanjangkan tempoh pengumpulan data sehingga 30 Jun 2020 kerana sebahagian besar sampel hotel bagi kajian ini tidak dapat memberikan maklumbalas data dalam tempoh PKP dikuatkuasakan.

Namun begitu, Jumlah kedatangan pelancong ke negeri Selangor pada tahun 2019 yang lalu mencatatkan prestasi yang baik dengan menerima sebanyak 7.62 juta orang pelancong, dengan peningkatan pada kadar 5% berbanding tahun sebelumnya.

Manakala, merujuk kepada Laporan Survey Pelancongan Domestik 2019 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor berada di tangga pertama, negeri yang paling ramai dikunjungi oleh pelawat (*visitor*) domestik berbanding negeri-negeri lain pada tahun 2019 iaitu seramai 33.6 juta pelawat. Diikuti oleh W.P Kuala Lumpur (22.6 juta), Sabah (22 juta), Perak (21.1 juta) dan Sarawak (19.8 juta).

- b) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah penggiat Industri Pelancongan Negeri bagi membangun dan memulihkan semula industri ini dalam situasi Covid-19 seperti yang berikut:-

- i) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan 'one-off' kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras homestay berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pegumpulan data-duta kecil pelancongan Selangor.
- ii) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi "Baucar Pelancongan Negeri Selangor" dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00).
- iii) Penganjuran Kempen Promosi Pelancongan "Pusing Selangor Dulu" yang memberi penekanan kepada pasaran domestik.
- iv) Aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti MITA e-Travel Fair dan MITA "Business to Business" Inbound Marketplace dan penganjuran program promosi Selangor E-Travel Fair dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka
- v) Penganjuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Johor, Pulau Pinang dan Terengganu.
- vi) Kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan '*Outdoor Billboard*', '*Unipole*' dan '*Digital Billboard*' di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
- vii) Penganjuran program Familiarization Trip (FAM Trip) yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa
- viii) Penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara 9 Daerah di Negeri Selangor
- ix) Penganjuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA IZIN**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk Program Pemutihan Kilang Tanpa Izin yang sepatutnya berakhir pada 30 Sept 2020? Adakah program ini akan dilanjutkan disebabkan PKP?

**JAWAPAN:**

- a) Cabutan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 21/2020 bertarikh 10 Jun 2020 dan disahkan oleh MMKN Ke 22/2020 pada 17 Jun 2020 telah mengambil maklum mengenai perkara berhubung cadangan pelanjutan tempoh Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (PPSPKTK) yang akan tamat pada 30 September 2020 dan Notis Borang 7G yang telah tamat dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Oleh yang demikian, MMKN bersetuju PPSPKTK dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 manakala Notis Borang 7G yang telah tamat dalam tempoh PKP dilanjutkan sehingga 30 September 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN TEBATAN BANJIR**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah plan mengatasi banjir Meru dengan budget seperti yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri di dalam Belanjawan Selangor 2020 akan dimulakan dan apakah projek mengatasi banjir Meru itu secara spesifik dan khusus?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi mengatasi banjir di Meru 3 projek telah diluluskan di dalam RMK11 iaitu:

**i. Projek RTB Sg Kapar Kecil**

Kos Projek : RM13.9 Juta  
Peruntukan 2020 : RM2,182,000.00  
Status projek : Dalam pelaksanaan [99% (J) / 99% (S)]  
Tarikh Mula / Tarikh Siap : 07.02.2017 / 20.12.2020

**ii. Projek Saliran Pekan Meru**

Kos Projek : RM9.8Juta  
Peruntukan 2020 : RM3,527,800.00  
Status projek : Dalam pelaksanaan [93% (J) / 73% (S)]  
Tarikh Mula / Tarikh Siap : 25.07.2017 / 22.08.2020

**iii. Projek RTB Persiaran Hamzah Alang**


Status projek : Projek telah siap  
Tarikh Mula / Tarikh Siap : 213.04.2016 / 29.08.2018

Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri di dalam Belanjawan Selangor 2020 adalah untuk menampung keperluan bayaran 2 projek yang masih di dalam

pelaksanaan. Selain itu, JPS Negeri Selangor juga telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar, Daerah Klang dan Petaling dengan kos sebanyak RMM199.32 juta.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Jajaran dan skop kerja projek adalah seperti gambar rajah di bawah:





**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TASKA DAN NURSURI KANAK-KANAK**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memberi sokongan kepada para pengusaha taska dan nurseri kanak-kanak yang terjejas akibat pandemik covid19?
- b) Adakah terdapat SOP bagi Taska di rumah atau pengasuh di rumah dalam tempoh PKPP ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap keperluan pengusaha taska yang telah memulakan operasi mereka pada 4 Mei 2020 yang lalu dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak kepada golongan ibu bapa yang bekerja di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang merangka dan mempertimbangkan program bantuan pasca COVID-19 yang bersesuaian dengan peruntukan sedia ada dengan cadangan untuk membekalkan set kelengkapan perlindungan diri (*personal protection equipment* - PPE) kepada semua pengusaha taska dengan kerjasama anak syarikat Kerajaan Negeri.

Melalui set kelengkapan PPE yang bakal dibekalkan, pengusaha taska dapat membuat persiapan khusus sebelum menerima kemasukan kanak-kanak di taska selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) selain giat melakukan proses pembersihan dan sanitasi menyeluruh di premis masing-masing.

Selain itu, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terdapat dua jenis bantuan telah disalurkan sebagai menzahirkan sokongan kepada pengusaha taska yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Bantuan kepada pengusaha - pengusaha TASKA adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Khas Geran Pengurusan Secara *One Off* TASKA Komuniti (TASKOM) berjumlah RM5,000 bagi setiap TASKOM.

ii. Bantuan Khas kepada Pengusaha Taska Yang Terkesan Secara Langsung Dengan PKP berjumlah RM5,000 bagi TASKA Institusi dan TASKA Tempat Kerja serta RM1,500 bagi TASKA Di Rumah.

(Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor)

b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-Kanak pada 4 Mei 2020. Garis panduan ini adalah perlu dipatuhi oleh semua TASKA termasuk TASKA Di Rumah sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penyebaran wabak COVID-19.

(Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU BANJIR DI BLUEWATER ESTATE SERI KEMBANGAN**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana dan bila Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan isu banjir di Bluewater Estate Seri Kembangan?

**JAWAPAN:**

- a) Kawasan Bluewater Estate berada di dalam Lembangan Sungai Kuyoh. Aliran air dari Bluewater Estate mengalir masuk ke Sungai Patiliat. Kesan aliran balik Sungai Kuyoh menyebabkan Sungai Patiliat mengalami limpahan dan menyebabkan banjir di kawasan Bluewater Estate.

Jabatan ini telah mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

Tindakan Jangka Masa Pendek:

1. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan berkala ke atas Sungai Patiliat setiap tahun bermula dari tahun 2019. Skop kerja yang dijalankan adalah pengorekan sungai, pemotongan rumput dan pembersihan sampah dan dibuat sebanyak 12 pusingan setahun.
2. Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan berkala ke atas kolam takungan bluewater setiap tahun bermula dari tahun 2019. Skop kerja yang dijalankan adalah pengorekan kolam (Desilting), pemotongan rumput dan pembersihan sampah dan dibuat sebanyak 12 pusingan setahun.

Tindakan jangka masa panjang:

1. Melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan bluewater. Jabatan sedang menyediakan kajian dan pelan rekabentuk dan dijangka siap pada Februari 2021. Kerja-kerja fizikal akan dimulakan sebaik sahaja rekabentuk siap dan tertakluk kepada kelulusan peruntukan tahun 2021.
2. Pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Kuyoh melalui peruntukan persekutuan dengan kos projek sebanyak RM 400 juta telah diluluskan. Status terkini projek adalah dalam peringkat pelantikan perunding

rekabentuk. Projek akan ditender pada 2021 dan dijangka akan disiapkan pada Tahun 2024 (Tempoh pelaksanaan projek – 3 Tahun).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PERUMAHAN**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan ada inisiatif membina rumah dengan nilai bawah Ringgit Malaysia 100 ribu?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin malah menggalakkan setiap individu terutamanya golongan berpendapatan rendah atau B40 untuk memiliki rumah idaman mereka sesuai dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu '*Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna*'.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa langkah agar projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B yang ditetapkan harga jualan pada harga RM42,000.00 dan RM100,000.00 di beri keutamaan di bina. Langkah yang di ambil Kerajaan Negeri adalah melalui peringkat dasar sehinggalah ke peringkat pemantauan pelaksanaan projek. Dari peringkat dasar, Kerajaan Negeri telah meluluskan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 2 April 2018 bertujuan memastikan Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berada dan banyak di pasaran, setiap pembangunan perumahan berkeluasan melebihi 5 ekar dikenakan syarat penyediaan di antara 10% hingga 30% Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B mengikut zon- zon pembangunan. Penyediaan Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B ini disyaratkan kepada semua pemaju perumahan sama ada terdiri daripada pemaju swasta, kerajaan atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan.

Di peringkat pemantauan projek pula, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat agar Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B ini di bina terlebih dahulu atau secara serentak dengan Rumah Harga Bebas yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara langkah jangka panjang Kerajaan untuk memastikan rakyat golongan B40 memiliki rumah adalah melalui beberapa pendekatan seperti berikut:

(i) **Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun. Penyewa akan mendapat pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui LPHS akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sehingga kini, sebanyak 341 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM700.00 sebulan. Memandangkan Skim Smart Sewa ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan millennials, Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah meneruskan pembiayaan Skim Smart Sewa dengan memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta untuk membeli unit-unit Rumah Selangorku sebanyak 301 unit.

(ii) **Skim Dana Sel**

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KLUSTERASI SELANGOR**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci gugusan ekonomi Selangor berkaitan ekonomi , sosial dan alam sekitar bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengumpul data di peringkat negeri, nasional dan dunia bagi meneliti kekuatan sedia ada serta sasaran (forecast) kluster-kluster yang terlibat untuk membolehkan satu mekanisme ukuran atau objektif setting ditetapkan terhadap pencapaian kluster. Penerbitan dan pengagihan Booklet Klusterisasi Negeri Selangor Vol.1 yang memaparkan maklumat asas mengenai kluster-kluster Negeri Selangor juga telah dibuat semasa sidang dewan yang lalu. Seterusnya perancangan tahun 2020, satu pelan tindakan bagi tempoh jangka pendek (2019-2021 – 3 tahun) dan jangka panjang (2022-2025 – 4 tahun) akan didokumenkan bagi mengenalpasti program/projek yang berupaya untuk memberi impak kepada ekonomi Selangor serta memudahkan proses pemantauan. Fokus tahun ini akan diberikan kepada Kluster Pertanian, Kluster Industri Aeropolis dan Aeroangkasa dan Kluster Pendidikan.

Untuk makluman semua, bermula dari tahun lepas Kerajaan Negeri memberikan tumpuan yang lebih kepada Kluster Pertanian memandangkan pertanian dan perikanan merupakan sektor yang penting dalam menjamin bekalan makanan atau food security rakyat Negeri Selangor. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pertanian tahun 2018 adalah sebanyak 1.4% dengan nilai sebanyak RM4.6 bilion. Dijangkakan pada tahun 2026, KDNK sektor pertanian Selangor dari segi nilai akan meningkat kepada RM6 bilion. Peningkatan ini akan disokong oleh pengeluaran hasil produk-produk pertanian yang berteraskan penggunaan teknologi-teknologi moden. Selain itu, penekanan terhadap prinsip Precision Agriculture termasuk Good Agriculture Practices (GAP) serta pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu dengan penanaman produk pertanian bernilai tinggi (High Value Products) akan turut diberikan.

Sebagai contoh projek penanaman Golden Melon di Selangor Fruit Valley seluas 3 ekar. Penyediaan tapak telah siap sepenuhnya dan proses pelaksanaan telah

bermula pada akhir bulan Jun 2020 di mana tempoh pengeluaran hasil akan mula diperolehi dalam tempoh 3 bulan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 12,000 biji untuk satu musim atau 48,000 biji setahun. Pengeluaran hasil dijangka bernilai RM150,000 atau (harga ladang) untuk sekali tuaian semusim manakala harga jualan di pasaran boleh mencecah RM10 setiap kilogram. Dengan tempoh yang singkat, dengan keluasan yang minima, namun hasil yang bakal diperolehi oleh pengusaha boleh mencecah sehingga RM600,000.00 setahun nilai jualan. Oleh yang demikian, saya percaya sektor pertanian selepas ini bukan sekadar meraih pendapatan sampingan malah ianya boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama dan mengurangkan kebergantungan kepada bidang pekerjaan yang semakin mengecil khusus kepada generasi muda. Begitu juga dengan klusterisasi yang lain, tumpuan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kluster-kluster tersebut berkembang dan menjana ekonomi setempat.

Industri aeroangkasa terus menjadi agenda utama Kerajaan Pusat dalam mengukuhkan kedudukan negara sebagai penggiat utama industri ini di rantau Asia Tenggara. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) optimis industri aeroangkasa Malaysia akan berkembang antara 10 hingga 15 peratus tahun ke tahun didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pembuatan, terutama dalam komponen aerostruktur dan enjin serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) termasuk enjin dan komponen aero. Peranan negara dalam rangkaian bekalan aeroangkasa global telah menjadi lebih matang dan kukuh yang meliputi pemain industri global dan tempatan serta syarikat seperti Airbus, Boeing dan Rolls Royce yang kebanyakannya bertapak di Selangor.

Bertitik tolak daripada ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor di bawah Kluster Industri Aeropolis dan Aeroangkasa komited untuk menjadi antara hab aeroangkasa global dan mengekalkan kedudukannya sebagai peserta utama dalam industri berkenaan di Malaysia. Perjalanan udara global yang semakin meningkat akan memberi impak terhadap sektor aeroangkasa kerana kira-kira 80 peratus penduduk dunia masih belum menggunakan perkhidmatan penerbangan. Sehubungan dengan itu, penting bagi Negeri Selangor untuk mengambil peluang yang ada menerusi pengukuhan koordinasi di antara agensi berkaitan untuk mempromosikan ekosistem aeroangkasa negeri kepada pelabur.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu unit khas di bawah Invest Selangor Berhad (ISB) yang dikenali sebagai Aerospace Industry Coordination Office (S-DAICO). Penubuhan unit ini bertujuan untuk melaksana dan menyelaras cadangan projek-projek pembangunan aeroangkasa di bawah perancangan Pelan



Tindakan Hala Tuju Khusus Aeroangkasa 2020-2030 menerusi 30 pelan tindakan yang meliputi 7 inisiatif utama. Unit ini akan turut berperanan sebagai 'front liner' bagi membantu pemain-pemain industri aeroangkasa dalam penyaluran maklumat, khidmat nasihat serta peluang pelaburan yang boleh diterokai.

Pembangunan berterusan dalam industri ini akan membolehkan Selangor menjadi salah satu hab aeroangkasa global dan kekal sebagai peserta utama dalam industri ini. Sehingga kini, Selangor adalah hab bagi industri aeroangkasa dan penerbangan di Malaysia dengan lebih 70 peratus peserta aeroangkasa beroperasi di Selangor, namun Kerajaan Negeri komited untuk menarik lebih banyak syarikat MRO beroperasi di Selangor dan memperbanyakkan kawasan perkilangan pesawat melalui perundingan dengan syarikat antarabangsa untuk menempatkan operasi mereka di Selangor.

Ke arah menggiat peranan ahli akademik dalam memperkemas agenda Selangor selaku hab pendidikan unggul Malaysia, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menubuhkan Majlis Konsultansi Akademia-Industri Selangor (MKAIS) yang melibatkan Naib-naib Canselor/Presiden Universiti Seluruh Selangor pada tahun 2020. Majlis ini kelak akan berperanan untuk merentas kesalinghubungan ahli-ahli akademik dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek penyelidikan, pembangunan sosio-ekonomi serta pembangunan sosiobudaya khususnya dalam merealisasikan agenda Klusterisasi Negeri Selangor melalui segmen kepakaran yang tersedia di setiap Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) ternama di Negeri Selangor. Sejumlah RM 1 juta diperuntukkan dalam bentuk geran penyelidikan yang boleh dimanfaatkan secara dua hala demi menjamin keberkesanan akademia-industri Negeri Selangor.

Selain dari tiga (3) kluster yang difokuskan, kluster-kluster lain juga akan terus dipantau pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor ini secara relatifnya dapat memberi impak yang lebih besar dan cepat serta lebih terancang bagi menjana ekonomi yang mampan, dinamik dan inovatif yang seterusnya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : LANGKAH PROAKTIF KERAJAAN NEGERI PASCA PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk mengimbangi jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar khususnya pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ?

**JAWAPAN:**

- a) WiFi Smart Selangor (WSS), sebuah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor, telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat Selangor, terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang digital dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Program WSS sedang disusun dan ditambahbaik untuk memberi tumpuan kepada kluster Pendidikan, Kesihatan, Keagamaan dan Komuniti dengan tumpuan ke kawasan luar bandar dan kumpulan sasaran B40 dan M40 untuk berhubung, mendapatkan maklumat dan "*online learning*".

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui MBI akan melaksanakan program INISIATIF DATA INTERNET SELANGOR untuk memberi kemudahan dan penjimatan kewangan kepada rakyat Selangor khususnya golongan B40. Inisiatif ini kerjasama di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat telco untuk menyokong inisiatif digitalisasi bagi mencapai Negeri Pintar 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : HASIL KAJI SELIDIK PRESTASI KDEB**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Telah dimaklumkan pada sidang lepas bahawa kerajaan akan melakukan kaji selidik terhadap prestasi KDEB, apakah hasil kaji selidik berkenaan?
- b) Siapakah yang menjalankan kaji selidik berkenaan bagi pihak Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Merdeka Strategic Development Centre Sdn. Bhd. bagi menjalankan kaji selidik ke atas prestasi Syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) dalam Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Kawasan PBT Negeri Selangor pada 23 Januari 2020 dalam tempoh 18 minggu di mana aktiviti kutipan data bermula pada minggu kedua selepas lantikan. Oleh kerana pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 sejak 18 Mac 2020, pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh kontrak sehingga 30 Jun 2020. Sehubungan dengan itu, hasil kaji selidik tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh masa yang terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KEUTAMAAN PERBELANJAAN NEGERI**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan perkhidmatan internet jalur lebar rangkaian 5G dalam negeri Selangor yang memakan belanja besar berpadanan dengan keperluan lebih utama untuk memelihara kebajikan rakyat dimasa kita berhadapan dengan cabaran memulihkan negeri akibat daripada wabak covid-19?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RODA DARUL EHSAN (RIDE)**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan kaedah pelaksanaan Inisiatif RiDE?
- b) Berapa ramai yang telah mendaftar dan telah mendapat manfaat daripada RiDE?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini pelaksanaan Inisiatif RIDE adalah di dalam proses pelaksanaannya. Terdapat sedikit pertangguhan pelaksanaan program kerana negara berhadapan ancaman pandemik Covid-19 baru baru ini. Kaedah pelaksanaannya bermula apabila Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) membuka ruang untuk permohonan. Kemudian, nama pemohon akan disaring oleh JPJ untuk kelulusan. Setelah lulus, pemohon akan melalui proses mendapatkan lesen di Institut Memandu (IM) yang dilantik.
- b) Setakat ini tiada rekod pendaftaran secara rasmi kerana program ini ditangguhkan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMERIKSAAN MAMMOGRAM PERCUMA SELANGOR  
(MAMMOSEL)**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program Pemeriksaan Mammogram Percuma untuk wanita di Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan bilangan yang telah membuat pemeriksaan mengikut DUN sehingga Jun 2020.

**JAWAPAN:**

- a) Program SKW akan mula beroperasi semula bermula Julai 2020, dengan syarat dan kaedah yang telah ditambahbaik.
- b) Bagi bilangan penerima untuk tahun sebelum ini sila rujuk rekod (Lampiran dalam bentuk Microsoft Excel). Berikut merupakan jumlah peserta yang menjalani pemeriksaan SKW bagi tahun ini mengikut pecahan DUN dari Januari sehingga Februari 2020 seperti di lampiran 1 :

Lampiran 1

BIL	PARLIMEN	DUN		JAN'20	FEB'20	JUMLAH KESELURUHAN
1	Sabak Bernam	N01	Sungai Ayer Tawar	0	0	0
2		N02	Sabak	0	0	0
3	Sungai Besar	N03	Sungai Panjang	0	0	0
4		N04	Sekinchan	0	0	0
5	Hulu Selangor	N05	Hulu Bernam	0	0	0
6		N06	Kuala Kubu Bahru	0	0	0
7		N07	Batang Kali	1	0	1
8	Tanjong Karang	N08	Sungai Burong	0	0	0
9		N09	Permatang	0	0	0
10	Kuala Selangor	N10	Bukit Melawati	0	0	0
11		N11	Ijok	0	0	0
12		N12	Jeram	0	0	0
13	Selayang	N13	Kuang	3	0	3
14		N14	Rawang	0	0	0
15		N15	Taman Templer	0	1	1
16	Gombak	N16	Sg Tua	0	0	0
17		N17	Gombak Setia	0	0	0
18		N18	Hulu Kelang	1	0	1
19	Ampang	N19	Bukit Antarabangsa	0	0	0
20		N20	Lembah Jaya	0	0	0
21	Pandan	N21	Pandan Indah	0	1	1
22		N22	Teratai	0	0	0
23	Hulu Langat	N23	Dusun Tua	0	0	0
24		N24	Semenyih	0	0	0
25		N25	Kajang	0	0	0
26	Serdang	N26	Sg Ramal	0	0	0
27		N27	Balakong	0	0	0
28		N28	Sri Kembangan	0	6	6
29	Puchong	N29	Sri Serdang	0	1	1
30		N30	Kinrara	18	21	39
31	Kelana Jaya	N31	Subang Jaya	1	1	2
32		N32	Seri Setia	1	0	1
33	Petaling Jaya Selatan	N33	Taman Medan	0	0	0
34		N34	Bukit Gasing	1	0	1

35	<b>Petaling Jaya Utara</b>	N35	Kampung Tunku	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>4</b>
36		N36	Bandar Utama	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
37	<b>Subang</b>	N37	Bukit Lanjan	0	0	0
38		N38	Paya Jaras	0	0	0
39		N39	Kota Damansara	0	0	0
40	<b>Shah Alam</b>	N40	Kota Anggerik	0	0	0
41		N41	Batu Tiga	0	0	0
42	<b>Kapar</b>	N42	Meru	0	0	0
43		N43	Sementa	0	0	0
44		N44	Bandar Baru Klang	0	0	0
45		N45	Selat Klang	0	0	0
46	<b>Klang</b>	N46	Pelabuhan Klang	0	0	0
47		N47	Pandamaran	0	0	0
48		N48	Sentosa	0	0	0
49	<b>Kota Raja</b>	N49	Sg Kandis	0	0	0
50		N50	Kota Kemuning	0	0	0
51	<b>Kuala Langat</b>	N51	Sijangkang	0	0	0
52		N52	Banting	0	0	0
53		N53	Morib	0	0	0
54	<b>Sepang</b>	N54	Tanjong Sepat	0	0	0
55		N55	Dengkil	<b>2</b>	0	<b>2</b>
56		N56	Sungai Pelek	0	0	0
57	<b>WPKL</b>	<b>PARLIMEN</b>		<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>				<b>33</b>	<b>37</b>	<b>70</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENGAMBILALIHAN IWK SELANGOR OLEH AIR SELANGOR**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) SOP IWK merawat air kumbahan dikatakan masih pada tahap yang lebih rendah berbanding penarafan Air Selangor. Apakah statusnya sekarang?
- b) Apakah kebaikan dan keburukan penggabungan SOP IWK dengan Air Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Sistem Loji Rawatan Kumbahan (LRK) sediaada telah dibina oleh pihak pemaju pembangunan dan perlu mengikut garispanduan :

(1) Guidelines For Developers Sewerage Treatment Vol. IV 2<sup>nd</sup> Edition dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan bermula Januari 1999.

(2) Malaysian Sewerage Industry Guidelines Vol IV 3<sup>rd</sup> Edition oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bermula Januari 2009.

Rekabentuk bagi setiap pembinaan Sistem LRK adalah bergantung kepada tarikh kelulusan dan pembinaan loji rawatan tersebut dan ianya terbahagi kepada 3 kategori:

(1) **Para (ii)**

Loji-Loji yang diluluskan pembinaan sebelum Januari 1999.

(2) **Para (iii)**

Loji-Loji yang diluluskan pembinaan selepas Januari 1999 dan sebelum tahun 2009.

(3) **Para (i)**

Loji Rawatan Kumbahan baru iaitu selepas 10 Disember 2009.

Kecekapan dan standard pematuhan adalah berdasarkan rekabentuk yang telah diluluskan. Rekabentuk LRK bagi kategori Para (i) adalah mematuhi piawaian terkini.

Manakala bagi loji rawatan kumbahan bagi Kategori Para. (ii) dan Para (iii) memerlukan penaiktarafan sistem dan seterusnya peruntukan dana dari Kerajaan Persekutuan.

Status terkini bagi penaiktarafan semua LRK yang terletak di bahagian hilir LRA di seluruh Malaysia adalah sebanyak 644 loji dengan melibatkan kos sebanyak RM142.8 juta. Di Negeri Selangor jumlah LRK yang terlibat adalah sebanyak 119. Kini, proses rekabentuk dan tender sedang dilaksanakan dan kerja kerja penaiktarafan ini akan di jangkakan siap pada 31 Mac 2022.

- b) IWK telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Kerajaan Persekutuan pada 9 Disember 1993 dan merupakan syarikat di bawah Kementerian Kewangan yang diperbadankan. Sebarang cadangan untuk penggabungan perlulah dibincangkan dengan Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEDULI SIHAT UNTUK KAKITANGAN PKM**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah kakitangan PKM akan dapat menikmati skim peduli sihat Selangor?

**JAWAPAN:**